



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
NO 26, JALAN TUN HUSSEIN,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

20 Mac 2017

LIMA 2017: SEKTOR KOMERSIAL MENDAPAT PERHATIAN

LIMA 2017 yang akan berlangsung dari 21 hingga 25 Mac 2017 ini, memperlihatkan penyertaan terbesar dalam sejarah penganjurannya dengan penyertaan pameran oleh lebih dari 550 syarikat aeroangkasa dan maritim dari 36 buah negara dengan sasaran jumlah pengunjung sebanyak 40,000 orang. Daripada jumlah itu, sebanyak kira-kira lebih daripada 240 penyertaan merupakan dari sektor komersial.

Tahun ini juga menyaksikan peranan signifikan Kementerian Pengangkutan selaku pengangur bersama yang bakal mengenengahkan dan memberi penekanan kepada sektor komersial dalam mempromosikan sektor penerbangan awam dan maritim di Malaysia.

YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan berkata "LIMA'17 akan membawa perspektif menarik bagi pertumbuhan maritim dan aeroangkasa terutama di rantau ini dengan pembangunan pesat yang sedang kita dilalui. Delegasi LIMA mampu merebut peluang untuk memahami tren dan strategi terkini serta mengukuhkan rangkaian mereka di seluruh rantau ini."

Komitmen ini dibuktikan melalui **Pavilion Kementerian Pengangkutan** yang akan membawa bersama 31 Jabatan, Agensi, syarikat pengendali dan

pemain industri di bawah kementerian bagi merealisasikan fungsi kementerian sebagai pemudahcara atau ‘enabler’ bagi industri pengangkutan maritime dan udara. Ini termasuk pembabitan **Pavilion Maritim** di *Resorts World Langkawi* yang bakal disertai oleh lembaga-lembaga dan operator pelabuhan, akademi latihan maritime serta syarikat-syarikat berkaitan industri perkapalan.

Sebagai kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menjadikan sektor logistik negara sebagai hub logistik di rantau ini, bertepatan dengan pameran yang merangkumi sektor udara dan maritim yang merupakan elemen terpenting dalam sektor logistik, justeru, tema yang telah dipilih bagi Kementerian Pengangkutan untuk LIMA’17 ini adalah ‘**Malaysia, The Preferred Logistics Gateway To Asia**’. Dengan sistem jaringan pengangkutan udara dan maritim yang efisien dan berdaya saing, pameran ini dilihat sebagai satu mekanisme dalam menjayakan aspirasi bagi menjadikan Malaysia tumpuan sektor logistik yang terkemuka di Asia.

Hasil daripada kejayaan **Sidang Kemuncak Penerbangan Awam ASEAN (ASEAN Aviation Summit)** pada LIMA 2015 yang lalu, sekali lagi Kementerian melalui Jabatan Penerbangan Awam akan menganjurkan edisi kedua sidang tersebut pada 22 Mac 2017 di MIEC, Langkawi. Bertemakan “Kelestarian Penerbangan Awam Hijau Global”, sidang kemuncak ini akan dirasmikan oleh YB Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai dan turut dihadiri oleh Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN.

“Sidang ini akan dihadiri oleh kumpulan utama pemegang berkepentingan daripada pihak kerajaan, pengawal selia industri, syarikat penerbangan &

lapangan terbang, pengeluar pesawat serta pembekal perkhidmatan MRO (penyelenggaraan, pembaikan dan operasi). Ia turut dimeriahkan dengan kehadiran ahli panel, penceramah dan pakar industri penerbangan yang turut sama menyertai dan memberi pandangan serta kepakaran untuk dimanfaatkan dalam sektor penerbangan” kata Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kassim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Selain daripada itu, satu Forum Ketua Agensi Keselamatan Maritim Asia Pasifik (APHoMSA) turut dianjurkan oleh Jabatan Laut Malaysia dari 20 – 23 Mac 2017 bersempena dengan pameran LIMA kali ini. Forum yang dihadiri oleh Ketua-ketua Agensi Keselamatan Maritim dari negara-negara Asia Pasifik ini juga akan turut memberi penekanan kepada kepentingan kelestarian alam sekitar bagi sektor maritime.

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor komersial LIMA 2017, layari laman web Kementerian Pengangkutan: www.mot.gov.my atau laman web rasmi LIMA’17: www.limaexhibition.com serta ikuti twitter dan facebook Kementerian Pengangkutan Malaysia di @MOTMalaysia.

[TAMAT]